



**KERATAN
AKHBAR**

**29 & 31 MEI 2020
JUMAAT & AHAD**

THE Sun

Metro

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

Sinar
horizon

中國報
CHINA PRESS

The people's paper
Star



BERNAMA

星洲日報
SIN CHEW DAILY

BERITA HARIAN

NEW STRAITS TIMES

facebook

**astro
AWANI**

malaymail

FMT
news

**THE EDGE
MARKETS**
MAKE BETTER DECISIONS

malaysiakini
terkini untuk anda

Bil air tinggi bukan sebab salah kira

SEREMBAN - Penggunaan air yang tinggi sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menyebabkan bil air pengguna di negeri ini meningkat.

Pengarah Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Wan Rasdi Wan Ismail berkata, peningkatan berlaku disebabkan penggunaan jumlah air yang mendadak, bukan salah pengiraan dan isu itu turut membabitkan seluruh negara.

Katanya, SAINS menerima banyak aduan daripada pengguna yang tidak berpuas hati dengan bil yang dikatakan lebih tinggi daripada biasa.

"Mereka perlu sedar bahawa bil tinggi akibat peningkatan penggunaan air dengan kadar berganda sepanjang PKP, kerana masing-masing melakukan aktiviti sendiri termasuk menyediakan kolam mandi untuk anak-anak.

"Pengguna perlu melihat penggunaan air dan jika berhemah mungkin bil yang diterima rendah, namun jika sebaliknya mereka perlu membayar kos penggunaan yang lebih tinggi," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat SAINS dekat sini hari ini.

Tambahnya, bacaan meter di kediaman dihentikan sementara pada 18 Mac sehingga 5 Mei lalu berikutan PKP.

Katanya, akibat daripada pemberhentian sementara itu, SAINS telah mengambil kaedah mengeluarkan bil pada Mac dan April mengikut anggaran jumlah penggunaan tiga bulan sebelumnya.

"Jadi apabila bacaan meter kembali beroperasi pada 6 Mei lalu, pihak kita telah mendapat bacaan meter sebenar bagi Mei ini dan pengguna mula tidak berpuas hati dengan bil yang tinggi sedangkan itu bacaan sebenar berdasarkan pemeriksaan meter di rumah bukan lagi bil anggaran," katanya.

Sementara itu, Wan Rasdi memberitahu mereka yang rasa terbeban untuk menjelaskan pembayaran bil air disebabkan pendapatan mereka terjejas akibat PKP, boleh datang ke Bahagian Perhubungan Awam Syarikat Air Negeri Sembilan untuk memohon bayaran ansuran.

Katanya, SAINS akan meneliti masalah mereka yang terkesan akibat PKP dan sekiranya layak boleh membuat bayaran secara ansuran termasuk golongan asnaf.



PENGAH SAINS MEMBERI PENERANGAN KEPADA PENGGUNA BERKENAAN ISU BIL TINGGI

Bil air tinggi: Kadar penggunaan berganda ketika PKP - SAINS

SEREMBAN: Pengguna di negeri ini menerima bil air yang tinggi berikutan kadar penggunaan meningkat berganda di premis atau kediaman mereka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Norzita Ismail, berkata pihaknya menerima banyak aduan daripada pengguna yang tidak berpuas hati dengan kadar bil diterima kerana jauh lebih tinggi berbanding biasa.

"Bil air tinggi bukan isu baharu bagi SAINS, namun ia berlaku pada skala besar ketika PKP dan menjadi serius apabila kami membuat bacaan meter di lapangan pada 6 Mei lalu sebaik saja Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula.

"Perlu diingatkan bahawa pembacaan meter dihentikan sementara ketika PKP bermula 18 Mac hingga 5 Mei lalu.

"Susulan pemberhentian kerja pembacaan meter, SAINS mengambil kaedah mengeluarkan bil air bagi Mac dan April secara anggaran di mana jumlah penggunaan bagi dua bulan itu adalah mengikut purata penggunaan tiga bulan sebelumnya," katanya pada sidang media, di sini, hari ini.

Norzita berkata, pengeluaran bil air awal bagi April bertujuan membolehkan pengguna membuat pembayaran supaya tidak terbeban pada bil akan datang.

Beliau menjelaskan, pengeluaran bil air pada Mei adalah mengikut bacaan tertera pada meter kediaman masing-masing.

"Justeru, kami berharap pengguna dapat memahami situasi sebenar yang berlaku. Bagaimanapun, mereka yang mempunyai kemusykilan mengenai perkara itu boleh menghubungi SAINS.

"Mereka juga boleh tampil di kaunter Pusat Khidmat Pelanggan SAINS bagi mendapatkan penerangan atau penjelasan lanjut," katanya.

BERITA HARIAN

29 MEI 2020 JUMAAT

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/694116/bil-air-tinggi-kadar-penggunaan-berganda-ketika-pek-sains>

Bil air tinggi berpunca penggunaan berganda

KADAR bil air yang tinggi diterima pengguna di Negeri Sembilan disebabkan peningkatan penggunaan air di premis atau kediaman mereka dengan kadar berganda sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) Norzita Ismail berkata, pihaknya menerima banyak aduan daripada pengguna yang tidak berpuas hati dengan kadar bil diterima kerana jauh lebih tinggi berbanding biasa.

"Sebenarnya bil air tinggi ini bukan isu baru bagi SAINS, tetapi memandangkan ia berlaku pada skala besar ketika PKP dan menjadi serius apabila kami membuat bacaan meter di tapak pada 6 Mei lalu sebaik bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Perlu diingatkan bahawa pembacaan meter dihentikan sementara ketika PKP bermula 18 Mac sehingga 5 Mei lalu.

"Akibat daripada pemberhentian kerja pembacaan meter itu, SAINS mengambil kaedah dengan mengeluarkan bil air bagi Mac dan April secara anggaran yang mana jumlah penggunaan bagi bulan itu mengikut purata penggunaan tiga bulan sebelumnya," katanya pada sidang media hari ini.

Norzita berkata, pengeluaran bil awal bagi April bertujuan membolehkan pengguna membuat pembayaran agar tidak terbeban pada bil akan datang.

Menurutnya, pengeluaran bil air pada Mei adalah mengikut apa yang tertera pada meter kediaman masing-masing.

"Justeru, kami berharap pengguna dapat memahami situasi sebenar yang berlaku. Bagaimanapun mereka yang mempunyai kemusykilan mengenai perkara itu boleh menghubungi syarikat itu.

"Mereka juga boleh tampil di kaunter Pusat Khidmat Pelanggan SAINS bagi mendapatkan penerangan atau penjelasan lanjut," katanya.

Operator dikehendaki ikut ketetapan kaedah pengiraan bil air SPAN

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) hari ini mengeluarkan ketetapan kaedah pengiraan bil air sepanjang pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ia dikeluarkan untuk dirujuk dan dipatuhi oleh operator agihan air.

SPAN berkata, sekiranya kaedah pengiraan yang digunakan operator tidak selaras dengan ketetapan SPAN, operator berkenaan dikehendaki melakukan penyelarasan bil pada akaun pengguna terbabit.

"SPAN menerima banyak aduan daripada pengguna berhubung bil air yang tinggi semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpunca daripada aktiviti rutin yang tertumpu di kediaman masing-masing sekali gus menyumbang kepada peningkatan bil air.

"SPAN ingin menjelaskan, bil air bagi bulan Mei adalah lebih tinggi daripada biasa memandangkan ia merangkumi penyelarasan bil bagi bulan Mac dan April. Bil yang dikeluarkan pada dua bulan itu adalah mengikut bacaan anggaran kerana operator agihan air tidak membuat bacaan meter sepanjang PKP.

"Setelah pembacaan meter secara fizikal dibuat oleh operator pengagihan air pada Mei, pengiraan bil bagi bulan itu akan dibuat dengan mengambil kira penyelarasan bil anggaran Mac dan April," kata SPAN dalam satu kenyataan.

SPAN turut meminta pengguna untuk menjelaskan bil air masing-masing dan jika ada lebihan caj setelah penyelarasan dibuat, ia akan direkodkan dalam akaun pengguna untuk bulan seterusnya.

"Malah bagi mengelakkan kekeliruan berterusan, SPAN meminta operator agihan air memperbanyakkan sesi penjelasan kepada pengguna melalui pelbagai medium penyampaian.

"Tetapi sekiranya pengguna merasakan bahawa caj yang dikenakan tidak munasabah dan memerlukan penjelasan lebih terperinci, pengguna dinasihat menghubungi operator air masing-masing atau mengemukakan aduan ke aduan@span.gov.my," katanya.

BERITA HARIAN

31 MEI 2020 AHAD

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/694946/operator-dikehendaki-ikut-ketetapan-kaedah-pengiraan-bil-air-span>

SAMBUNGAN



KAEDAH PENGIRAAN BIL AIR YANG DISELARASKAN

PENGGUNAN AIR RUMAH ABANG JAI 3 BULAN SEBELUM PKP



Purata penggunaan air rumah Abang Jai dari Disember 2019 hingga Februari 2020 adalah;

$$(25\text{m}^3 + 26\text{m}^3 + 27\text{m}^3) / 3 \text{ Bulan} = 26\text{m}^3$$

(nilai ini akan digunakan untuk bacaan anggaran bil bulan Mac dan April)

BIL AIR MAC 2020

BACAAN ANGGARAN

$$\begin{aligned} &\text{Penggunaan air} = 26\text{m}^3 \\ &= (20\text{m}^3 \times \text{RM } 0.80) + (6\text{m}^3 \times \text{RM } 2.00) \\ &= \text{RM}28.00 \end{aligned}$$

BIL AIR APRIL 2020

BACAAN ANGGARAN

$$\begin{aligned} &\text{Penggunaan air} = 26\text{m}^3 \\ &= (20\text{m}^3 \times \text{RM } 0.80) + (6\text{m}^3 \times \text{RM } 2.00) \\ &= \text{RM}28.00 \end{aligned}$$

BIL AIR MEI 2020

BACAAN SEBENAR

Penggunaan air sebenar Mac - Mei = 100m³

$$\begin{aligned} &100\text{m}^3 / 3 = 33\text{m}^3 \text{ sebulan} \\ &= (20\text{m}^3 \times \text{RM } 0.80) + (13\text{m}^3 \times \text{RM } 2.00) \\ &= \text{RM}42.00 \text{ sebulan} \end{aligned}$$

Pengiraan untuk Pelarasan
RM42.00 - RM28.00 = RM14.00/bulan

Pelarasan bulan Mac & April
= RM14.00 @ 2 bulan
= RM28.00

Jumlah Bil Mei
= Penggunaan + Pelarasan
= RM42.00 + RM28.00
= **RM70.00**

JOM! KITA KIRA BIL AIR RUMAH ABANG JAI DI JOHOR BAHRU



TARIF AIR NEGERI JOHOR

KATEGORI DOMESTIK	TARIF (RM)
0 - 20m ³	RM 0.80
21m ³ - 35m ³	RM 2.00
> 35m ³	RM 3.00
Caj Minima	RM 7.00

Penyelarasan bil air ikut kaedah SPAN

CYBERJAYA - Operator bekalan air dikehendaki membuat penyelarasan bil pada akaun pengguna mengikut ketetapan kaedah pengiraan bil air sepanjang pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Mengulas aduan peningkatan bil air semasa PKP, SPAN memaklumkan pengguna diminta untuk menjelaskan bil air masing-masing dan jika terdapat lebih caj setelah penyelarasan dibuat, ia akan direkodkan dalam akaun pengguna untuk bulan seterusnya.

"Bagaimanapun, sekiranya pengguna merasakan bahawa caj yang dikenakan adalah tidak munasabah dan memerlukan penjelasan lebih terperinci, pengguna dinasihatkan menghubungi operator air masing-masing atau mengemukakan aduan ke aduan@span.gov.my," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

SPAN menjelaskan secara amnya, pengguna domestik menggunakan air lebih banyak daripada biasa semasa tempoh PKP berpunca daripada aktiviti rutin yang tertumpu di kediaman masing-masing.

Di samping itu, katanya, bil air bagi bulan Mei 2020 adalah lebih tinggi daripada biasa memandangkan ianya merangkumi penyelarasan bil bagi bulan Mac dan April.

"Bil yang dikeluarkan pada bulan Mac dan April ini adalah mengikut bacaan secara anggaran kerana operator agihan air tidak membuat bacaan meter sepanjang tempoh pelaksanaan PKP," menurut kenyataan itu.

Menurut SPAN, setelah pembacaan meter secara fizikal dibuat oleh operator agihan air pada akhir bulan Mei, pengiraan bil dibuat dengan mengambil kira penyelarasan bil anggaran bulan Mac dan April 2020. - Bernama



Operator dikehendaki ikut ketetapan kaedah pengiraan bil air SPAN



31 MEI 2020 AHAD

<https://www.bernama.com/bm/a/m/news.php?id=1846589>

CYBERJAYA, 31 Mei -- Operator bekalan air dikehendaki membuat penyelarasan bil pada akaun pengguna mengikut ketetapan kaedah pengiraan bil air sepanjang pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Mengulas aduan peningkatan bil air semasa PKP, SPAN memaklumkan pengguna diminta untuk menjelaskan bil air masing-masing dan jika terdapat lebih caj setelah penyelarasan dibuat, ia akan direkodkan dalam akaun pengguna untuk bulan seterusnya.

"Bagaimanapun, sekiranya pengguna merasakan bahawa caj yang dikenakan adalah tidak munasabah dan memerlukan penjelasan lebih terperinci, pengguna dinasihatkan menghubungi operator air masing-masing atau mengemukakan aduan ke aduan@span.gov.my," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

SPAN menjelaskan secara amnya, pengguna domestik menggunakan air lebih banyak daripada biasa semasa tempoh PKP berpunca daripada aktiviti rutin yang tertumpu di kediaman masing-masing.

Di samping itu, katanya bil air bagi bulan Mei 2020 adalah lebih tinggi daripada biasa memandangkan ianya merangkumi penyelarasan bil bagi bulan Mac dan April.

"Bil yang dikeluarkan pada bulan Mac dan April ini adalah mengikut bacaan secara anggaran kerana operator agihan air tidak membuat bacaan meter sepanjang tempoh pelaksanaan PKP," menurut kenyataan itu.

Menurut SPAN, setelah pembacaan meter secara fizikal dibuat oleh operator agihan air pada akhir bulan Mei, pengiraan bil dibuat dengan mengambil kira penyelarasan bil anggaran bulan Mac dan April 2020.

-- BERNAMA

